

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PEMBUKAAN KILANG HENKEL OLEOCHEMICAL

TEMPAT: KELANG

TARIKH: 17 NOV 1984

MASA:

Y.M. Tengku Abdul Hamid Abdullah,
Pengerusi Henkel Oleochemicals,
Malaysia;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Henkel Oleochemical kerana menjemput saya merasmikan kilangnya pagi ini.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Jomalina Sendirian Berhad dari Malaysia dan Syarikat Henkel dari Jerman Barat yang menubuhkan syarikat usahasama ini. Sebagai usahasama yang sangat maju dari segi taraf teknologinya dalam sektor pemerosesan kimia dari kelapa sawit di negara ini, kilang ini sudah tentu memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan industri yang berasaskan sumber tempatan.

3. Minyak kelapa sawit pada masa ini merupakan barangan eksport yang kedua pentingnya bagi Malaysia, iaitu selepas hasil petroleum. Tahun lalu, minyak kelapa sawit menduduki tempat ketiga dari nilai hasil eksport kita, tetapi hasil keluaran ini dengan cepat meningkat ke tempat kedua pada tahun ini. Di samping itu Malaysia merupakan negara pengeluar minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia, iaitu 57% dari pengeluaran dunia. Jadi mendirikan kilang-kilang seperti ini di Malaysia adalah sangat wajar sekali.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Eksport minyak kelapa sawit Malaysia telah menghadapi beberapa halangan dalam perdagangan antarabangsa. Kadangkala diskriminasi yang dikenakan terhadap eksport minyak kelapa sawit adalah secara mengamalkan perlindungan atau 'protectionism' oleh negara-negara pengimport utama. Misalannya, negara-negara dalam kumpulan Komuniti Ekonomi Eropah atau EEC telah mengenakan duti import sebanyak 12% ke atas minyak kelapa sawit yang diproses dan 4% ke atas minyak kelapa sawit mentah. Rangka duti yang dikenakan menunjukkan negara-negara maju itu mengutamakan import yang mentah sahaja dari negara-negara membangun, termasuklah minyak kelapa sawit mentah. Negara-negara maju tersebut mahu memproses sendiri bahan-bahan mentah supaya semua tambahnilai atau "value-added" dapat dibolot oleh mereka.

Rangka duti import itu menunjukkan duti bagi minyak kelapa sawit yang diproses ialah 3 kali ganda duti oleh EEC. Walaupun negara-negara maju selalu melaungkan 'perdagangan bebas', amalan-amalan mereka membuktikan mereka sebenarnya menjadi dalang perdagangan bebas tersebut.

5. Di samping itu, maklumat yang salah disebar dengan luasnya dan keraguan yang disebabkan olehnya menjejaskan eksport bahan itu ke beberapa negara, terutama negara-negara Islam. Dengan adanya halangan-halangan seperti ini, kerajaan telah berusaha menjalankan beberapa strategi bagi memperluaskan pasaran eksport minyak kelapa sawit ini, dan usaha ini akan diteruskan. Kerajaan akan sentiasa mengkaji struktur duti eksport bahan ini. Di samping itu, rombongan-rombongan teknikal kita ke luar negeri telah dan akan memberi maklumat yang tepat supaya apa-apa keraguan akan berkurangan dari masa ke semasa.

6. Kerjasama pengusaha-pengusaha minyak kelapa sawit adalah juga diperlukan bagi memberi penerangan kepada bakal-bakal pengimport. Dengan adanya kerjasama dari pengusaha-pengusaha berserta dengan usaha-usaha kerajaan, permintaan terhadap bahan ini akan meningkat pada masa depan. Eksport minyak kelapa sawit untuk 1985 dijangka meningkat kepada 3.5 juta tan metrik, berbanding kepada 3.1 juta tan metrik yang dijangkakan sehingga penghujung tahun ini.

7. Di samping itu, Kerajaan akan terus menggalakkan penambahan pengeluaran minyak kelapa sawit melalui pembangunan estet yang diuruskan secara teratur. Sebaliknya kita tidak menggalakkan penanaman secara kebun kecil yang tidak tersusun. Penanaman secara estet akan dapat memberi keutamaan kepada penggunaan teknologi yang lebih banyak. Dengan ini kita bukan sahaja dapat meningkatkan daya pengeluaran, tetapi juga dapat mengurangkan kos pengeluaran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Negara-negara maju tidak silu-silu mencari kesempatan atau peluang mendapatkan teknologi yang lebih baik. Bagi Malaysia, kita mesti sedar kita memerlukan teknologi moden, terutama dari negara-negara maju. Dengan kesedaran itu kita akan mencari teknologi, dan bukan menunggu ianya bergolek tiba atau diletakkan ke atas riba kita. Orang yang mahu sesuatu harus melakukan apa sahaja secara ikhlas bagi mendapatkannya. Bagi kita yang kehausan teknologi mestilah sedar kita memerlukannya. Justeru itu semua kakitangan perusahaan usahasama dengan pengusaha asing mestilah mempunyai kesedaran bahawa kita memerlukan teknologi terbaru dan kita mesti berusaha bersungguh-sungguh mendapatkannya.

9. Sehubungan dengan ini saya berharap kakitangan syarikat-syarikat usahasama yang melibatkan pemindahan teknologi akan sentiasa menebalkan kesedaran ini semoga kita tidak menunggu kakitangan asing menyogok-nyogok pengetahuan dan pengalaman mereka mengenai sesuatu teknologi itu. Memang

benarlah terdapat beberapa orang dari mereka yang kurang senang memberi pengetahuan teknologi mereka, meleceh-lecehkan dan sebagainya, tetapi kalau kita agresif dan betul-betul bersedia, usaha kita itu akan berhasil akhirnya.

10. Usahasama oleochemical ini adalah di antara lain bertujuan untuk mendapatkan teknologi yang diperolehi oleh firma Jerman berkenaan dalam lapangan kimia yang berasaskan satu bahan tempatan iaitu kelapa sawit. Pihak pengurusan dan kakitangan syarikat ini haruslah menyusun strategi bagi memperolehi teknologi yang diperlukan secepat mungkin.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Akhirnya saya berharap kilang oleochemical ini akan dapat menjaga dengan rapi keselamatan para pekerja dan keselamatan serta kebersihan alam sekitarnya. Saya telah diberi jaminan tentang keselamatan kilang dan alam sekitarnya, dan saya berharap kilang ini akan dapat membuktikan dan menunjukkan contoh yang baik kepada pekilang-pekilang lain. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka kilang Henkel Oleochemical ini dengan rasminya. Terima kasih.